

PMB SHARIAH TACTICAL FUND

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
31 DISEMBER 2017**

PMB INVESTMENT BERHAD (256439-D)
(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)
Level 20, 1 Sentral
Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tuan/Puan Yang Dihargai

PMB INVESTMENT BERHAD – MAKLUMAN MENGENAI PRIVASI

Berkuatkuasa 15 November 2013, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diperkenalkan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi-transaksi komersial.

Kami di PMB INVESTMENT BERHAD menilai tinggi privasi anda dan mengembeleng usaha untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi anda dalam mematuhi kehendak-kehendak PDPA. Seiring dengan itu, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengeluarkan Notis Privasi kepada semua pelanggan-pelanggan individu kami.

Kandungan Notis Privasi tersebut melibatkan perkara-perkara mengenai pemprosesan maklumat-maklumat peribadi anda oleh pihak kami berkaitan dengan akaun pelaburan anda dan/atau perkhidmatan dengan kami. Sila luangkan masa untuk membaca dan mengambil maklum mengenai isi kandungan Notis Privasi berkenaan.

Notis Privasi tersebut boleh dicapai di dalam laman web kami www.pmbinvestment.com.my dan/atau di pejabat kami sama ada di ibu pejabat atau cawangan-cawangan kami.

Sila hubungi kami di bahagian Perhubungan Pelabur, talian 03-2785 9900 sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan mengenai perkara ini.

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

PMB INVESTMENT BERHAD

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

IBU PEJABAT

Level 20, 1 Sentral

Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral

Peti Surat 10701

50722 Kuala Lumpur

Tel: (03) 2785 9800 Faks: (03) 2785 9901

E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my

Laman Web: www.pmbinvestment.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Abdul Malik bin Ismail - Pengerusi

Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul

Dato' Mohammad Safie bin Asnan @ Asnawi

Prof. Dr. Faridah binti Hj Hassan

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman

Najmi bin Hj Mohamed

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Najmi bin Hj Mohamed

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shahrizat binti Othman

JAWATANKUASA PELABURAN

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman

Prof. Dr. Mohamed Aslam bin Mohamed Haneef

PEMEGANG AMANAH

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

PENASIHAT SYARIAH

BIMB SECURITIES SDN. BHD.

JURUAUDIT BEBAS

JAMAL, AMIN & PARTNERS

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	MAKLUMAT DANA	5
1.1	NAMA DANA	5
1.2	TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA	5
1.3	KATEGORI/JENIS DANA	5
1.4	OBJEKTIF DANA	5
1.5	TANDA ARAS DANA	5
1.6	DASAR PENGAGIHAN DANA	5
1.7	KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT	5
2.	PENCAPAIAN DANA	6 – 7
2.1	KOMPOSISI DANA	6
2.2	PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN	7
3.	LAPORAN PENGURUS	8 – 16
3.1	ANALISA PRESTASI DANA	8
3.1.1	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN	8
3.1.2	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS	8
3.2	ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT	10
3.3	POLISI DAN STRATEGI PELABURAN	10

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
3.4	PERUMPUKAN ASET-ASET DANA	10
3.5	SUASANA EKONOMI NEGARA	11
3.6	SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN SEMASA	14
3.7	SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA	15
3.8	PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN	16
3.9	KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT	16
3.10	REBAT DAN KOMISEN RINGAN	16
4.	PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	17
5.	PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH	18
6.	PENYATAAN PENGURUS	19
7.	LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	20 – 22
8.	PENYATA KEWANGAN	23 – 40
9.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	41 – 42
10.	MAKLUMAT TAMBAHAN	43 – 44
11.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	45 – 46
12.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	47
13.	BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR	48

1. MAKLUMAT DANA

1.1 NAMA DANA

PMB SHARIAH TACTICAL FUND - PMB STF.

1.2 TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA

25 Oktober 2013.

1.3 KATEGORI / JENIS DANA

Dana Aset Campuran (Syariah) / Pertumbuhan dan Pendapatan.

1.4 OBJEKTIF DANA

Mencapai pertumbuhan modal dalam jangkamasa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

1.5 TANDA ARAS DANA

Tanda aras yang digunapakai bagi prestasi tahunan ialah 2 kali (2x) prestasi Kadar Purata Terselaras 1-tahun Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Islamic Reference Rates, KLIRR*).

1.6 DASAR PENGAGIHAN DANA

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan bergantung kepada lebihan pendapatan sepanjang tempoh kewangan dan akan diagihkan sama ada dalam bentuk tunai atau unit tambahan.

1.7 KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT PADA 31 DISEMBER 2017

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	7,735	89.26	9,360,252.07	30.74
5,001 - 10,000	558	6.44	3,934,920.25	12.92
10,001 - 50,000	342	3.95	6,327,194.34	20.78
50,001 - 500,000	30	0.34	4,047,940.96	13.30
500,001 dan ke atas	1	0.01	6,776,209.00	22.26
Jumlah	8,666	100.00	30,446,516.62	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 KOMPOSISI DANA

	31 DISEMBER		
	2017	2016	2015
Sektor	%	%	%
Pasaran Utama:			
Barangan Pengguna	6.51	4.64	-
Barangan Industri	20.43	9.43	12.64
Pembinaan	6.04	7.38	11.16
Dagangan & Perkhidmatan	28.08	26.95	25.90
Perbankan & Kewangan	-	-	3.07
Hartanah	14.91	3.22	2.71
Teknologi	-	2.23	13.67
Perladangan	2.35	4.22	-
Pasaran Ace: Teknologi	6.07	-	-
Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) Islam	-	-	2.13
Deposit Islam dan lain-lain	15.61	41.93	28.72
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	12,510	14,612	16,194
Unit Dalam Edaran ('000)	30,460	30,904	31,884
NAB Seunit - xD (RM)	0.4107	0.4728	0.5079
NAB Seunit - xD: <i>Tertinggi</i> (RM)	0.5084	0.5084	0.5226
: <i>Terendah</i> (RM)	0.4076	0.4718	0.4569
Jumlah Pulangan # (%)	(13.13)	(5.43)	5.94
- Pertumbuhan Modal # (%)	(13.13)	(6.91)	3.89
- Pengagihan Pendapatan (%)	-	1.48	2.05
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	* 1.95	1.97	1.93
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	** 1.17	1.23	1.15

Sumber: Lipper

* Peratusan NPP menyusut 0.02 peratusan mata dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini adalah berikutan penurunan saiz purata Dana sebanyak 6.86% dan pengurangan jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak 7.92%.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

2.1 KOMPOSISI DANA (SAMB.)

- ** Peratusan untuk PGP menyusut kepada 1.17 kali bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 daripada 1.23 kali pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penurunan aktiviti pembelian dan penjualan saham selari dengan strategi Dana dengan mengambil kesempatan daripada ketidakcekapan keadaan pasaran jangka pendek.

# PURATA TAHUNAN (BERAKHIR 31 DISEMBER)			
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
PMB STF	(13.13%)	(4.52%)	(1.37%)

# PULANGAN TAHUNAN (BERAKHIR 31 DISEMBER)					
	2017	2016	2015	2014	2013
PMB STF	(13.13%)	(5.43%)	5.94%	(2.87%)	10.42%

Sumber: Lipper

2.2 PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN

Tarikh/Tahun	31 DISEMBER		
	2017	2016	2015
Pengagihan - Kasar (sen seunit)	-	0.75	1.00
- Bersih (sen seunit)	-	^ 0.75	^ 1.00
Nisbah Unit Pecahan	-	-	-

^ Pengagihan dalam bentuk unit.

Nota: Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Sila rujuk muka surat 41- 42 bagi asas pengiraan.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi dua belas (12) bulan berakhir 31 Disember 2017 (1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017).


3.1 ANALISA PRESTASI DANA

3.1.1 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN

Dana tidak dapat mencapai objektifnya, iaitu memperoleh pertumbuhan modal dalam jangkamasa sederhana hingga panjang. Berdasarkan sumber Lipper, pulangan Dana untuk tempoh 3, 5 dan 10 tahun masing-masing mencatat sebanyak -12.98%, -6.67% dan -5.71%. Bagi tempoh setahun berakhir 31 Disember 2017, pulangan Dana menyusut 13.13%.


3.1.2 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS

Prestasi Dana berbanding tanda aras tahunan iaitu 2 kali (2x) prestasi Kadar Purata Terselaras 1-tahun Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Islamic Reference Rates, KLIRR*)* bagi tempoh 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:-




Graf di atas menunjukkan pergerakan pulangan Dana bagi tempoh setahun berakhir 31 Disember 2017. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Dana menyusut 13.13% berbanding kenaikan penanda aras sebanyak 7.24%.

3.1.2 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS (SAMB.)



Bagi tempoh 3 tahun berakhir 31 Disember 2017, NAB seunit Dana menurun sebanyak 12.98% berbanding peningkatan penanda aras sebanyak 21.72%. Sila rujuk graf di atas.



Graf di atas pula mencerminkan pergerakan pulangan Dana untuk tempoh 5 tahun berakhir 31 Disember 2017. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Dana susut 6.67% berbanding kenaikan penanda aras sebanyak 36.20%.

3.2 ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT

Sepanjang tempoh kajian, NAB seunit Dana menyusut sebanyak RM0.0621 atau -13.13% iaitu daripada RM0.4728 (xD) pada 31 Disember 2016 kepada RM0.4107 (cD) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

3.3 POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Dana ini menggunakan strategi peruntukan aset taktikal dan mempunyai fleksibiliti untuk mengimbangkan semula peruntukan di kalangan kelas-kelas aset yang berbeza seperti ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah tersenarai di Bursa Malaysia dan pelaburan bukan ekuiti seperti sekuriti hutang Islam, instrumen pasaran wang Islam, penempatan deposit Islam dan/atau lain-lain pelaburan yang dibenarkan, bergantung kepada keadaan pasaran.



3.4 PERUMPUKAN ASET-ASET DANA


Pecahan seunit mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

PECAHAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET				
	31 Dis 2017 (%)	31 Dis 2016 (%)	Perubahan Peratus Mata	Purata Pendedahan Pelaburan (%)
Ekuiti	84.39	58.07	26.32	71.23
Deposit Islam lain-lain	15.61	41.93	(26.32)	28.77


Pada 31 Disember 2017, pegangan ekuiti Dana ialah sebanyak 84.39%, berbanding 58.07% pada 31 Disember 2016. Baki 15.61% berada dalam deposit Islam dan lain-lain bentuk pelaburan patuh Syariah yang bersesuaian dengan polisi dan objektif Dana.

3.4 PERUMPUKAN ASET-ASET DANA (SAMB.)

PERUMPUKAN ASET PMB STF PADA 31/12/2017



PERUMPUKAN ASET PMB STF PADA 31/12/2016



3.5 SUASANA EKONOMI NEGARA

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dilapor pada 17 November 2017 berkembang 6.2% pada suku ketiga 2017. Pertumbuhan ekonomi negara terus dipacu oleh permintaan dalam negara, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang menyeluruh. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang 1.8% (S2 2017: 1.3%). Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.8% disebabkan terutamanya oleh inflasi pengangkutan yang lebih rendah.

Secara keseluruhan, ketidakpastian dalam pasaran kewangan domestik kekal rendah dalam keadaan sentimen dalam negara yang bertambah baik. Kualiti aset dan paras keuntungan institusi kewangan domestik kekal mantap. Sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan kemampuan membayar balik hutang yang kukuh. Mudah tunai mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan dan memenuhi keperluan aktiviti ekonomi benar manakala peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan.

3.5 SUASANA EKONOMI NEGARA (SAMB.)


Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar lebih tinggi dalam julat seperti yang diunjurkan sekitar 5.2% - 5.7% pada tahun 2017, berikutan prestasinya yang terus kukuh pada suku ketiga. Permintaan dalam negara dijangka menyokong pertumbuhan ini. Bagi sektor luaran, aktiviti eksport akan terus memperoleh manfaat daripada keadaan permintaan global yang memuaskan. Inflasi keseluruhan dijangka mencatat kadar purata yang lebih tinggi dalam julat yang diramalkan sekitar 3% - 4% bagi keseluruhan tahun 2017.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia Untuk Suku Ketiga 2017

Sektor	2017	2017	2016	Sektor	2017	2017	2016
Penawaran	S3	S2	S3	Pemintaan	S3	S2	S3
Pertanian	6.1%	5.9%	(6.1%)	Penggunaan Akhir Swasta	7.2%	7.1%	6.3%
Pembinaan	6.1%	8.3%	7.9%	Penggunaan Akhir Kerajaan	4.2%	3.3%	2.1%
Perkhidmatan	6.6%	6.3%	6.2%	Pembentukan Modal Tetap Kasar	6.7%	4.1%	2.0%
Pembuatan	5.6%	6.0%	4.3%	Eksport	11.8%	9.6%	(0.6%)
Perlombongan	3.1%	0.2%	2.9%	Import	13.4%	10.7%	(1.8%)
KDNK	6.2%	5.8%	4.3%	KDNK	6.2%	5.8%	4.3%

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

Inflasi




(Sumber: Laman sesawang Jabatan Statistik Malaysia)

Inflasi bagi tempoh Januari hingga November 2017 mencatatkan kenaikan sebanyak 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Indeks kumpulan makanan & minuman bukan alkohol merupakan pendorong utama kepada kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga November dengan mencatatkan peningkatan 4.3%. Kumpulan utama lain yang menyumbang kepada kenaikan IHP dalam tempoh ini ialah pengangkutan (+13.3%), kesihatan (+2.5%), restoran & hotel (+2.5%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (+2.2%) dan hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (+2.1%).

3.5 SUASANA EKONOMI NEGARA (SAMB.)


Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)



(Sumber: Laman sesawang Jabatan Statistik Malaysia)

IPP meningkat sebanyak 5.0% pada bulan November 2017 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan dalam semua indeks: pembuatan (6.7%), perlombongan (0.2%) dan elektrik (3.9%). Untuk tempoh sebelas bulan pertama 2017, IPP berada lebih tinggi, iaitu pada kadar 4.7% berbanding 3.7% untuk tempoh yang sama 2016 susulan peningkatan dalam semua komponen iaitu indeks pembuatan, elektrik dan perlombongan, masing-masing pada kadar 6.2%, 2.5% dan 0.9%.

Perdagangan Luar Negara



(Sumber: Laman sesawang Jabatan Statistik Malaysia)

Untuk tempoh sebelas bulan tahun 2017, imbangan dagangan Malaysia mencatatkan kenaikan sebanyak 14.6%, mencecah nilai RM90.0 bilion. Jumlah perdagangan untuk tempoh sebelas bulan pertama 2017 bernilai RM1.6 trilion berbanding RM1.3 trilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dalam tempoh sebelas bulan pertama 2017, jumlah eksport berkembang sebanyak 20.5%, mencecah nilai RM856.1 bilion manakala jumlah import berkembang sebanyak 21.3%, mencecah nilai RM766.1 bilion.

3.6 SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN SEMASA

Bagi tempoh setahun berakhir 31 Disember 2017, penanda aras utama ekuiti patuh Syariah Malaysia iaitu Indeks FBMSHA meningkat 1,288.50 mata atau 10.72% kepada 13,302.92 manakala penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu FBM KLCI meningkat 155.08 mata atau 9.45% kepada 1,796.81.

Bagi tempoh tersebut, Indeks FBMSHA mencatat paras tertinggi 13,302.92 pada 29 Disember 2017 dan paras terendah 12,021.61 pada 3 Januari 2017. Sementara itu, FBM KLCI mencatat paras tertinggi 1,796.81 pada 29 Disember 2017 manakala paras terendah pula ialah 1,635.53 yang dicatat pada 3 Januari 2017. Julat pergerakan Indeks FBMSHA untuk tempoh tersebut ialah 1,281.31 mata berbanding 859.22 mata pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Dalam tempoh kajian, pasaran saham tempatan kelihatan kembali pulih dalam suku pertama 2017 ekoran dari peningkatan harga minyak mentah dunia berikutan komitmen Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dalam mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 1.2 juta tong sehari bermula Januari 2017 serta data-data ekonomi tempatan yang lebih baik dari jangkaan. Prestasi memberangsangkan Bursa Malaysia ini berterusan sepanjang suku kedua 2017 ekoran dari data-data ekonomi tempatan yang lebih baik dari jangkaan yang telah menyebabkan institusi-institusi terkemuka menyemak semula unjuran pertumbuhan tahun-ke-tahun KDNK negara dari julat 4.5% sehingga 4.8% kepada julat 4.8% sehingga 5.0%. Pertumbuhan pasaran saham juga terus dipacu oleh keputusan kewangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang bertambah baik serta spekulasi berkenaan Pilihan Raya Umum ke-14 yang sepatutnya diadakan sebelum setengah tahun pertama 2018 berakhir.

Namun demikian, pasaran saham tempatan kelihatan berada di dalam mod konsolidasi menjelang pertengahan suku ketiga 2017 walaupun data-data ekonomi tempatan yang diumumkan lebih baik dari jangkaan. Hal ini disebabkan oleh keputusan kewangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia untuk suku kedua 2017 tampil kurang baik dari jangkaan. Situasi ini diburukkan lagi oleh ketidakstabilan geopolitik dunia ekoran dari ketidaksefahaman di antara dua pemimpin kuasa nuklear besar dunia serta kecenderungan Amerika Syarikat untuk meningkatkan kadar faedah pada kadar yang lebih cepat berikutan momentum ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka akan terus beransur pulih. Hal-hal ini telah meningkatkan kadar ketidakpastian dalam pasaran saham dan telah menyebabkan pelabur asing mula mengurangkan wajaran di dalam pasaran saham tempatan dengan jumlah pengaliran keluar bersih dana sebanyak RM558.5 juta sepanjang suku ketiga 2017.

Pelabur asing terus menerus mengurangkan wajaran di dalam pasaran saham Malaysia sepanjang Oktober 2017 dan November 2017 dengan jumlah pengeluaran bersih sebanyak RM241.7 juta ekoran dari data-data ekonomi negara China yang kurang memberangsangkan. Lantaran dari kebergantungan perdagangan Malaysia terhadap China di mana 16.3% daripada jumlah perdagangan sepanjang sebelas bulan pertama 2017 adalah dengan China, sebarang tanda-tanda kelembapan ekonomi China boleh meningkatkan kerisauan pelabur-pelabur terhadap kesinambungan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

3.6 SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN SEMASA (SAMB.)

Pengeluaran dana asing sepanjang Oktober dan November 2017 juga kelihatan lebih bersifat “pengambilan untung” ekoran dari pengukuhan Ringgit Malaysia. Sepanjang tempoh sebelas bulan berakhir 30 November 2017, kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia berbanding US Dollar telah meningkat sebanyak 4.7%.

Menjelang bulan Disember 2017, pasaran saham tempatan kelihatan meningkat secara berkala ekoran dari kemasukan semula pelabur-pelabur asing ke pasaran saham tempatan dengan jumlah kemasukan bersih sebanyak RM959.9 juta. Keadaan pasaran saham juga kembali pulih menjelang minggu terakhir 2017 lantaran dari aktiviti “menghias akaun”.

Dalam keadaan pasaran yang tidak menentu ini, berdasarkan sumber Lipper NAB seunit Dana menyusut sebanyak 13.13% bagi tempoh setahun berakhir 31 Disember 2017.

3.7 SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA

Dalam tempoh setahun berakhir 31 Disember 2017, Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada kadar 3.00% setahun.

Menurut BNM, ekonomi global makin kukuh. Pertumbuhan kini lebih mantap dan segerak merentas rantau. Perdagangan dunia telah meningkat dengan ketara. Dalam keadaan prestasi pertumbuhan yang semakin mampan, lebihan kapasiti ekonomi semakin mengecil di negara maju. Di Asia, pertumbuhan telah didorong oleh aktiviti domestik yang mampan dan juga permintaan luaran yang kukuh. Pasaran kewangan pula secara relatif lebih stabil sejak kebelakangan ini. Bagi tahun 2018, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan terus mampan. Meskipun terdapat risiko yang disebabkan oleh perkembangan politik dan dasar di negara ekonomi utama, prospek ekonomi global dijangka terus menggalakkan.

Pertumbuhan ekonomi negara semakin mantap. Prestasi kedua-dua sektor domestik dan luaran terus berkembang. Momentum pertumbuhan telah dirangsang oleh kesan limpahan yang ketara daripada sektor luaran ke atas ekonomi dalam negara. Ini didorong oleh pelaburan syarikat-syarikat swasta untuk meningkatkan kapasiti produktif, peningkatan upah dan penambahan pekerja mereka. Bagi tahun 2018, permintaan dalam negara dijangka terus menjadi sumber utama pertumbuhan. Penggunaan swasta akan terus menjadi pendorong terbesar pertumbuhan, disokong oleh peningkatan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja keseluruhan yang bertambah baik. Pelaburan kekal mantap disokong oleh projek-projek infrastruktur dan pelaburan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor luaran juga akan menjadi pemangkin tambahan kepada ekonomi. Prestasi ekonomi secara keseluruhan dijangka terus kukuh pada tahun 2018.

Inflasi dalam negara sebahagian besarnya dipengaruhi pergerakan harga minyak global. Oleh itu, inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.3% pada bulan September, berikutan kenaikan harga minyak bertapis global akibat gangguan dalam bekalan global.

3.7 SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA (SAMB.)

Bagi keseluruhan tahun 2017, inflasi keseluruhan dijangka berada pada paras yang lebih tinggi dalam julat yang diramalkan. Melangkah ke tahun 2018, kadar inflasi keseluruhan diunjurkan menurun berikutan jangkakan pengurangan kesan daripada faktor kos global. Walau bagaimanapun, trend inflasi keseluruhan bergantung pada harga minyak global masa depan yang masih amat tidak menentu. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras didorong oleh keadaan permintaan dalam negara yang kukuh.

Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan. Ringgit semakin kukuh dan lebih mencerminkan asas-asas ekonomi yang bertambah teguh. Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi. Institusi kewangan terus beroperasi dengan penampunan modal dan mudah tunai yang kukuh. Pembiayaan kepada sektor swasta terus meningkat dan menyokong aktiviti ekonomi.

Pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari kekal akomodatif. Dalam keadaan makro-ekonomi global dan dalam negara yang kukuh, MPC mungkin mempertimbangkan untuk mengkaji tahap akomodasi dasar monetari pada masa ini. Ini adalah perlu untuk memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan.

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

3.8 PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

3.9 KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Sepanjang tempoh kajian, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selain daripada urusanniaga-urusanniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.10 REBAT DAN KOMISEN RINGAN

Pengurus Dana dan pemegang amanah tidak berhak menerima sebarang rebat atau berkongsi sebarang komisen daripada mana-mana broker sebagai balasan untuk urusanniaga langsung dalam pelaburan dana-dana. Sehubungan itu, sebarang rebat dan komisen yang dikongsi itu akan dimasukkan ke dalam akaun dana-dana yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Pengurus boleh menerima barangan atau perkhidmatan dalam bentuk komisen ringan selagi barangan dan perkhidmatan itu ternyata bermanfaat kepada dana-dana dan pelaksanaan sesuatu urusanniaga itu adalah selaras dengan piawai pelaksanaan terbaik.

Semasa tempoh di bawah tinjauan (31 Disember 2016 - 31 Disember 2017), Pengurus telah menerima komisen ringan daripada syarikat broker saham dalam bentuk perisian dan perkakasan komputer yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan Dana dan pengurusan pasaran saham dan ekonomi. Pengurus, delegasi dan Pemegang Amanah kami tidak menerima sebarang rebat atau berkongsi sebarang komisen daripada mana-mana broker sepanjang tempoh yang sama di bawah tinjauan.

4. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH TACTICAL FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada PMB SHARIAH TACTICAL FUND bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pada pendapat kami, PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus PMB SHARIAH TACTICAL FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia

12 Februari 2018

5. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH

PEMEGANG-PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah kepada PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus bagi PMB SHARIAH TACTICAL FUND untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh PMB INVESTMENT BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Keempat Belas bertarikh 6 September 2016 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Oktober 2016 adalah mematuhi Syariah.

Pada pendapat kami, berdasarkan laporan-laporan berkala dan penerangan yang kami terima, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir PMB SHARIAH TACTICAL FUND mengikut kehendak Syariah dan mematuhi segala garispanduan, arahan mahupun keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari aspek Syariah.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio PMB SHARIAH TACTICAL FUND yang dikendalikan oleh PMB INVESTMENT BERHAD adalah mengandungi sekuriti-sekuriti yang dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sementara itu, pelaburan juga telah dibuat melalui simpanan dan instrumen kewangan Islam dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk dan bagi pihak
BIMB SECURITIES SDN BHD

IR. DR. MUHAMAD FUAD ABDULLAH
Pegawai Syariah Yang Dilantik

KUALA LUMPUR

8 Februari 2018

6. PENYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH TACTICAL FUND

Kami, sebagai Pengarah kepada PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus PMB SHARIAH TACTICAL FUND berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2017, perubahan dalam ekuiti, prestasi kewangan serta aliran tunai Dana untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Untuk dan bagi pihak

PMB INVESTMENT BERHAD

Selaku Pengurus, PMB SHARIAH TACTICAL FUND

MANSOOR BIN AHMAD

Pengarah

YBHG. DATO' AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN

Pengarah

KUALA LUMPUR

5 Februari 2018

7. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH TACTICAL FUND

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk PMB SHARIAH TACTICAL FUND, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain yang dikemukakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Dana untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Kami juga mengesahkan pengiraan Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Pusing Ganti Portfolio yang dibentangkan pada nota 16 dan 17 adalah bertepatan dan munasabah.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Dana yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Dana untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Profesional ("Kod IESBA") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengurus Dana bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat-maklumat lain merangkumi Laporan Pengurus dan Pernyataan Pengurus, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Dana dan laporan juruaudit kami.

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH TACTICAL FUND (SAMB.)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Dana tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Dana, adalah tanggungjawab juruaudit untuk membaca Laporan Pengurus dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Pengurus tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Dana atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit atau sebaliknya memberi salahnyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Pengurus, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab Pengurus ke atas Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan Pengurus menentukan kawalan dalaman yang berkaitan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada melibatkan penipuan atau kesilapan. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperoleh pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu pengauditan yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa dapat mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau secara agregat, mereka boleh secara munasabah mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga:

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH TACTICAL FUND (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko-risiko berkenaan dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, memberi gambaran yang salah atau melampaui kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili urusanniaga dan peristiwa yang dapat mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti semasa audit kami.

Lain-Lain Perkara

Laporan ini disediakan kepada para pemegang unit Dana untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

JAMAL, AMIN & PARTNERS
(No: AF 1067)
Akauntan Bertauliah

AHMAD HILMY BIN JOHARI
(No: 2977/03/18(J))
Akauntan Bertauliah

5 Februari 2018

KUALA LUMPUR

8. PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

ASET	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
PELABURAN	4		
Saham tersiarharga di Malaysia		9,566,038	8,068,846
Deposit Islam dengan institusi keuangan berlesen di Malaysia	5	1,761,920	5,777,247
		<u>11,327,958</u>	<u>13,846,093</u>
LAIN-LAIN ASET			
Terhutang oleh Broker Saham		969,339	710,577
Keuntungan diterima terakru dari Deposit Islam		650	30,761
Dividen diterima terakru		14,075	16,713
Tuntutan Cukai		44,926	44,926
Simpanan Al-Wadiah		41,320	173,751
		<u>1,070,310</u>	<u>976,728</u>
JUMLAH ASET		<u>12,398,268</u>	<u>14,822,821</u>
LIABILITI			
Terhutang kepada Pengurus	6	15,961	47,550
Terhutang kepada Pemegang Amanah		532	629
Pengagihan	7	-	231,780
Lain-lain sipiutang		5,350	5,929
JUMLAH LIABILITI		<u>21,843</u>	<u>285,888</u>
EKUITI			
Modal unit bersih	8	39,984,196	40,179,968
Kerugian terkumpul		(27,607,771)	(25,643,035)
JUMLAH EKUITI		<u>12,376,425</u>	<u>14,536,933</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>12,398,268</u>	<u>14,822,821</u>
UNIT DALAM EDARAN	8	<u>30,460,000</u>	<u>30,904,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - xD	9	<u>0.4063</u>	<u>0.4704</u>

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
PENDAPATAN PELABURAN			
Keuntungan Dari Deposit Islam		76,255	217,858
Hibah Dari Simpanan Al-Wadiah		653	2,008
Dividen Kasar		211,686	179,570
Keuntungan Dari Penjualan Pelaburan		8,407	294,838
Kerugian Bersih Pelaburan Di Atas Perubahan Nilai Pasaran Wajar (Fair Value)	10	(1,877,986)	(1,176,144)
		<u>(1,580,985)</u>	<u>(481,870)</u>
PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	11	214,689	231,014
Yuran Pemegang Amanah	12	7,157	10,283
Yuran Audit		2,500	2,500
Yuran Agen Cukai		1,300	700
Yuran Broker Saham Dan Lain-Lain Kos Transaksi	13	104,875	135,601
Cukai Barangan dan Perkhidmatan		18,015	20,786
Perbelanjaan Pentadbiran		35,215	37,278
		<u>383,751</u>	<u>438,162</u>
KERUGIAN BERSIH SEBELUM CUKAI		<u>(1,964,736)</u>	<u>(920,032)</u>
Cukai	14	-	(430)
KERUGIAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>(1,964,736)</u>	<u>(920,462)</u>
KERUGIAN BERSIH SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:			
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN DIREALISASI		(86,750)	255,682
KERUGIAN BELUM DIREALISASI	10	<u>(1,877,986)</u>	<u>(1,176,144)</u>
		<u>(1,964,736)</u>	<u>(920,462)</u>

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>Modal Unit Bersih</u> RM	<u>Kerugian Terkumpul</u> RM	<u>Jumlah Ekuiti</u> RM
Baki pada 1 Januari 2016		40,636,172	(24,490,793)	16,145,379
Keuntungan direalisasi		-	255,682	255,682
Kerugian belum direalisasi		-	(1,176,144)	(1,176,144)
Perolehan daripada penjadian unit		328,120	-	328,120
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(784,324)	-	(784,324)
Pengagihan	7	-	(231,780)	(231,780)
Baki pada 31 Disember 2016		40,179,968	(25,643,035)	14,536,933
Baki pada 1 Januari 2017		40,179,968	(25,643,035)	14,536,933
Kerugian direalisasi		-	(86,750)	(86,750)
Kerugian belum direalisasi		-	(1,877,986)	(1,877,986)
Perolehan daripada penjadian unit		236,400	-	236,400
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(432,172)	-	(432,172)
Baki pada 31 Disember 2017		39,984,196	(27,607,771)	12,376,425

**PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Perolehan dari penjualan pelaburan	15,340,440	20,375,499
Pembelian pelaburan	(18,965,973)	(18,059,247)
Dividen diterima	214,324	299,243
Keuntungan dari Deposit Islam	106,366	188,233
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	653	2,008
Pembayaran cukai kena bayar	-	(5,174)
Yuran Pengurus telah dijelaskan	(217,586)	(232,893)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(7,253)	(11,037)
Tazkiah yang telah dijelaskan	-	(107)
Yuran audit telah dijelaskan	(2,500)	(2,500)
Yuran agen cukai telah dijelaskan	(1,700)	-
Lain-lain perbelanjaan	(158,285)	(193,823)
Tunai bersih (digunakan dalam)/diperolehi daripada aktiviti pelaburan dan operasi	(3,691,514)	2,360,202
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	4,620	9,280
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	(460,864)	(755,632)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(456,244)	(746,352)
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(4,147,758)	1,613,850
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIBAWA KE HADAPAN	5,950,998	4,337,148
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIHANTAR KE HADAPAN	1,803,240	5,950,998
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Simpanan Al-Wadiah	41,320	173,751
Deposit Islam	1,761,920	5,777,247
	1,803,240	5,950,998

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

PMB SHARIAH TACTICAL FUND diuruskan oleh PMB INVESTMENT BERHAD, mula dilancarkan pada 29 Oktober 1979 sebagai Kumpulan Modal Bumiputera Yang Kesebelas. Dengan persetujuan pemegang-pemegang unit di dalam Mesyuarat Agong Luarbiasa pada 4 Julai 2013, Dana ini telah ditukarkan nama kepada ASM Shariah Tactical Fund sebagaimana termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Kesebelas bertarikh 30 Julai 2013, di antara Pengurus (PMB INVESTMENT BERHAD), Pemegang Amanah (AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD) dan pemegang-pemegang unit berdaftar dan telah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 30 Ogos 2013. Berdasarkan Prospektus Induk bertarikh 28 April 2014, Dana ini sekali lagi ditukarkan namanya daripada ASM Shariah Tactical Fund kepada PMB SHARIAH TACTICAL FUND selari dengan perubahan nama Pengurus daripada ASM Investment Services Berhad kepada PMB INVESTMENT BERHAD. Dana ini akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama PMB SHARIAH TACTICAL FUND ialah urusan niaga sekuriti bolehpasar di mana pelaburan dibuat di dalam "Pelaburan Yang Dibenarkan" sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausula 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Pelaburan MARA Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Dana-Dana Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Dana Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik, risiko kadar keuntungan dan risiko harga ekuiti. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah.

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar keuntungan. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Dana.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam deposit Islam dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

(c) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah.

(d) Risiko Kadar Keuntungan

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan dan jangkaan pasaran. Risiko kadar keuntungan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar keuntungan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan pasaran.

(e) Risiko Harga Ekuiti

Risiko harga ekuiti adalah perubahan harga ekuiti yang akan naik atau turun disebabkan perubahan terhadap indeks ekuiti dan nilai saksama individu. Pendedahan risiko harga ekuiti timbul dari pelaburan tersiarharga Dana.

Jadual di bawah menunjukkan kesan ke atas nilai aset bersih Dana pada tarikh pelaporan disebabkan kemungkinan perubahan dalam harga ekuiti dengan semua pembolehubah lain yang dipegang malar:-

<u>Perubahan Dalam Harga Ekuiti</u>	<u>Kesan Ke Atas Nilai Aset Bersih Diagihkan</u>
%	RM
+5 / - 5	478,302 / (478,302)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan diubahsuai bagi mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dasar perakaunan yang digunakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah konsisten dengan yang digunakan pada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Dana masih belum menerimakan MFRS berikut yang diterbitkan oleh MASB tetapi belum berkuatkuasa.

		Tarikh Kuatkuasa Bagi Tahun Kewangan Bermula Pada <u>Atau Selepas</u>
MFRS 9	Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)	1 Januari 2018
MFRS 15	Hasil daripada kontrak dengan pelanggan	1 Januari 2018

Penggunaan piawaian di atas dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Dana.

(b) Saham Tersiarharga

Saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan. Ini adalah bagi mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia - MFRS 139.

Walau bagaimanapun Unit Amanah ini tertakluk kepada Suratikatan Amanah (Trust Deed) di mana saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan. Oleh yang demikian, bagi sebarang urusan jual beli unit amanah pada tarikh pelaporan ini, harga sebenar jual beli unit amanah tersebut adalah dinyatakan di dalam nota 9.

(c) Pendapatan Dividen

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akrual sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "xD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia. Mulai 1 Januari 2008, dividen satu peringkat telah diperkenalkan dan semua dividen yang diagihkan oleh syarikat mastautin dikecualikan cukai di Malaysia.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Keuntungan Dari Deposit Islam

Keuntungan dari deposit Islam adalah diambilkira berdasarkan asas akruan. Keuntungan yang diterima oleh Dana ini daripada mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Insituti-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 mendapat pengecualian cukai selaras dengan peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).

(e) Keuntungan/(Kerugian) dari Penjualan Pelaburan

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan/(kerugian) dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajar. Mengikut ACP 1967, keuntungan ini tidak dianggap sebagai pendapatan Dana dan tidak tertakluk kepada cukai.

(f) Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasikan

Keuntungan/(Kerugian) belum direalisasikan mewakili keuntungan/(kerugian) akibat daripada perubahan pada Nilai Pasaran Wajar bagi saham tersiarharga yang menggunakan harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada tarikh pelaporan berbanding dengan tarikh kewangan sebelumnya.

(g) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

(h) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai meliputi deposit Islam dan simpanan Al-Wadiah dengan bank dan institusi kewangan berlesen di mana simpanan tersebut adalah berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan sekuriti saham tersiarharga, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(j) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Keuntungan dari deposit Islam dan simpanan Al-Wadiah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	11,865,956	8,490,778
Kurangan nilai pasaran	(2,299,918)	(421,932)
Nilai Pasaran	9,566,038	8,068,846
(b) Deposit Islam	1,761,920	5,777,247
Jumlah Pelaburan	11,327,958	13,846,093

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

5. DEPOSIT ISLAM

Deposit Islam adalah meliputi simpanan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
(a) Bank-Bank Islam	1,761,920	4,402,569
(b) Bank Pelaburan	-	1,374,678
	1,761,920	5,777,247

Purata kadar keuntungan sepanjang tahun kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup kewangan adalah seperti berikut:-

	<u>Purata Kadar Keuntungan</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
(a) Bank-Bank Islam	2.92	7
(b) Bank Pelaburan	-	-

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

6. TERHUTANG KEPADA PENGURUS

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Penjelasan tunai terakru bagi perlucutan unit	-	28,692
Yuran pengurus yang terakru	15,961	18,858
	<u>15,961</u>	<u>47,550</u>

7. PENGAGIHAN

Tiada peruntukan pengagihan (akhir) disyorkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 [2016: Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sebanyak 0.75 sen (kasar) (bersih: 0.75 sen) seunit].

Pengagihan kepada Pemegang-Pemegang Unit adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Dividen kasar	-	179,570
Keuntungan dari Deposit Islam	-	217,858
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	-	2,008
Keuntungan dari penjualan pelaburan	-	294,838
Keuntungan tidak diagihkan pada tahun semasa	-	(23,902)
	<u>-</u>	<u>670,372</u>
Perbelanjaan	-	(438,162)
Cukai	-	(430)
	<u>-</u>	<u>231,780</u>
Unit dalam edaran	<u>-</u>	<u>30,904,000</u>
Pengagihan kasar seunit (sen)	<u>-</u>	<u>0.75</u>
Pengagihan bersih seunit (sen)	<u>-</u>	<u>0.75</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	30,904,000	40,179,968	31,884,000	40,636,172
Penjadian dalam tahun	500,000	236,400	650,000	328,120
	31,404,000	40,416,368	32,534,000	40,964,292
Perlucutan dalam tahun	(944,000)	(432,172)	(1,630,000)	(784,324)
Baki dihantar ke hadapan	30,460,000	39,984,196	30,904,000	40,179,968

9. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Dana daripada jumlah aset Dana.

Bagi mematuhi MFRS 139 di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini, saham tersiarharga telah dinilai menurut harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan berbanding dengan Suratikatan Amanah yang menetapkan nilai pasaran pada harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia bagi penetapan harga jualan dan belian unit amanah pada tarikh tersebut.

Oleh yang demikian, pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2016, penyesuaian bagi nilai aset bersih seunit untuk tujuan agihan kepada pemegang-pemegang unit amanah pada tarikh di atas adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	RM	RM/Unit	RM	RM/Unit
Nilai aset bersih seunit bagi agihan jual/beli unit amanah	12,510,303	0.4107	14,611,499	0.4728
Perbezaan nilai aset bersih apabila mematuhi MFRS 139	133,878	0.0044	74,566	0.0024
Nilai aset bersih seunit yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang unit seperti yang dinyatakan di Penyata Kewangan	12,376,425	0.4063	14,536,933	0.4704

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**10. KERUGIAN BERSIH PELABURAN DI ATAS PERUBAHAN
NILAI PASARAN WAJAR (FAIR VALUE)**

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Kerugian belum direalisasi dari saham tersiarharga	(2,299,918)	(421,932)
Keseluruhan kerugian belum direalisasi	(2,299,918)	(421,932)
Tolak: (Kerugian)/Keuntungan belum direalisasi tahun terdahulu	(421,932)	754,212
	<u>(1,877,986)</u>	<u>(1,176,144)</u>

11. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, PMB INVESTMENT BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 1.5% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

12. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 0.05% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

13. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER (01/01/2017 – 31/12/2017)

Nama Broker/Dealer	Nilai Transaksi RM	%	Komisen & Fi RM	%
Hong Leong Investment Bank Bhd.	7,178,322	21.43	19,195	18.30
Kenanga Investment Bank Bhd.	5,444,168	16.25	15,124	14.42
BIMB Securities Sdn. Bhd.	5,283,188	15.77	16,292	15.53
Maybank Investment Bank Bhd.	2,672,904	7.98	8,431	8.04
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	2,559,932	7.64	9,403	8.97
CIMB Investment Bank Bhd.	2,279,323	6.80	8,101	7.72
Affin Hwang Investment Bank Bhd.	2,026,525	6.05	7,367	7.03
RHB Investment Bank Bhd.	1,916,345	5.72	5,139	4.90
Alliance Investment Bank Bhd.	1,817,711	5.42	6,021	5.74
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	1,486,414	4.44	4,726	4.51
AmlInvestment Bank Bhd.	352,400	1.05	1,340	1.28
M & A Securities Sdn. Bhd.	325,000	0.97	3,250	3.10
Public Investment Bank Bhd.	161,343	0.48	486	0.46
Jumlah Transaksi	33,503,575	100.00	104,875	100.00

14. CUKAI

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Peruntukan cukai semasa	-	-
Peruntukan terkurang tahun taksiran terdahulu	-	(430)
Perbelanjaan cukai untuk tahun semasa	-	(430)

Cukai adalah dikenakan pada kadar 24% ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

14. CUKAI (SAMB.)

Penyelarasan di antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan didarabkan dengan kadar cukai 24% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Kerugian sebelum cukai	(1,964,736)	(920,032)
Cukai Malaysia @ 24%	471,537	220,808
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(379,437)	(115,649)
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	(92,100)	(105,159)
Peruntukan cukai semasa	-	-
Peruntukan terkurang tahun taksiran terdahulu	-	(430)
Perbelanjaan cukai untuk tahun semasa	-	(430)

15. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Dana ini adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
PMB INVESTMENT BERHAD	13,483.38 unit bernilai RM5,537.62	9,334.42 unit bernilai RM4,413.31
Pengarah-Pengarah	Tiada	Tiada
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM214,689	RM231,014

Urusniaga-urusniaga di antara Dana dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi pemiagaan yang normal. Pegangan Unit Pengurus adalah berasaskan pegangan benefisial.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2015</u>
NPP = $\frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang}}{\text{didapatkan balik}} \times 100$		
Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga	1.95%	1.97%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Dana berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

17. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
PGP = $\frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah}}{\text{kos jualan}} / 2$		
Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga	1.17 kali	1.23 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

18. MATAWANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 31 DISEMBER 2017

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	NILAI HARGA		PERATUS NILAI
			JUMLAH KOS	TERTINGGI TAWARAN	HARGA TERTINGGI TAWARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH
			RM	RM	%
A SAHAM TERSIARHARGA					
PASARAN UTAMA					
BARANGAN PENGGUNA					
1	Poh Huat Resources Holdings Bhd	145,000	263,705	258,100	2.08
2	Power Root Bhd	260,000	526,168	488,800	3.95
	Jumlah Kecil		789,873	746,900	6.03
BARANGAN INDUSTRI					
1	Cahaya Mata Sarawak Bhd	160,000	762,006	608,000	4.91
2	Lotte Chemical Titan Holding Bhd	100,000	508,188	469,000	3.79
3	Mieco Chipboard Bhd	200,000	236,000	155,000	1.25
4	Petronas Gas Bhd	30,000	616,033	524,400	4.24
5	Versatile Creative Bhd	885,000	1,254,755	575,250	4.65
	Jumlah Kecil		3,376,982	2,331,650	18.84
PEMBINAAN					
1	Gamuda Bhd	60,000	270,823	297,600	2.41
2	IJM Corporation Bhd	130,000	426,057	393,900	3.18
	Jumlah Kecil		696,880	691,500	5.59
DAGANGAN/PERKHIDMATAN					
1	IHH Healthcare Bhd	76,000	488,746	444,600	3.59
2	Dagang Nexchange Bhd	700,000	351,850	336,000	2.71
3	My E.G. Services Bhd	414,000	375,577	914,940	7.39
4	T7 Global Bhd	845,500	386,575	342,428	2.77
5	Telekom Malaysia Bhd	84,000	525,070	511,560	4.13
6	UEM Edgenta Bhd	80,000	266,704	197,600	1.60
7	Westports Holdings Bhd	120,000	497,341	441,600	3.57
	Jumlah Kecil		2,891,863	3,188,728	25.76
HARTANAH					
1	Ewein Bhd	1,680,000	1,403,940	714,000	5.77
2	IOI Properties Group Bhd	130,000	235,833	240,500	1.94
3	Tadmax Resources Bhd	2,445,000	1,002,450	733,500	5.93
	Jumlah Kecil		2,642,223	1,688,000	13.64

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 31 DISEMBER 2017

<u>BIL.</u>	<u>NAMA SYARIKAT</u>	<u>JUMLAH SAHAM</u>	<u>JUMLAH KOS</u>	<u>NILAI</u>	<u>PERATUS NILAI</u>
				<u>TERTINGGI</u>	<u>HARGA TERTINGGI</u>
			<u>RM</u>	<u>TAWARAN</u>	<u>TAWARAN KE ATAS</u>
				<u>RM</u>	<u>NILAI ASET BERSIH</u>
					<u>%</u>
A SAHAM TERSIARHARGA					
PASARAN UTAMA					
PERLADANGAN					
1	Sime Darby Plantation Bhd	45,000	255,771	250,650	2.03
	Jumlah Kecil		255,771	250,650	2.03
PASARAN ACE					
TEKNOLOGI					
1	Orion IXL Bhd	5,814,000	1,212,364	668,610	5.40
	Jumlah Kecil		1,212,364	668,610	5.40
	Jumlah Saham Tersiarharga		11,865,956	9,566,038	77.29
	Kerugian Belum Direalisasi		(2,299,918)		
			9,566,038		

<u>BIL.</u>	<u>NAMA INSTITUSI</u>	<u>JENIS</u>	<u>KOS</u>	<u>NILAI</u>	<u>PERATUS NILAI</u>
			<u>PENEMPATAN</u>	<u>PENEMPATAN</u>	<u>DANA KE ATAS</u>
			<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>%</u>
					<u>NILAI ASET BERSIH</u>
					<u>%</u>
B DEPOSIT ISLAM					
1	Bank Muamalat Malaysia Bhd	Komoditi Murabahah	1,088,763	1,089,196	8.80
2	CIMB Islamic Bank Bhd	Komoditi Murabahah	673,157	673,375	5.44
	Jumlah Deposit Islam		1,761,920	1,762,571	14.24
				11,328,609	91.53

9. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

◆ KANDUNGAN PORTFOLIO

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 31 Disember.

◆ KAEDAH HARGA TUNGGAL (SINGLE PRICING REGIME - SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunapakai bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusaniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

◆ HARGA JUALAN SEUNIT

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada pemegang-pemegang unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusaniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan sebanyak 6% (berkuatkuasa 28 April 2014) kecuali 2% bagi PMB Sukuk Fund dan tiada caj jualan dikenakan bagi PMB Syariah Cash Management Fund.

◆ HARGA BELIAN SEUNIT

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada pemegang-pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Dana.

◆ NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga}} \times 100$$

◆ PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan})}{\text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga}}$$

◆ JUMLAH PULANGAN

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{NAB (cD bagi tahun kewangan semasa)} - 1 \times 100}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PENGAGIHAN PENDAPATAN (JIKA ADA)

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tahun kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PERTUMBUHAN MODAL

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

◆ JUMLAH PURATA PULANGAN TAHUNAN

Jumlah purata pulangan tahunan dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan tahun bawah kajian}}$$

10. MAKLUMAT TAMBAHAN

• PEMBAYARAN PENGAGIHAN

Pembayaran pengagihan tunai (jika ada) akan dihantar dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan kepada pemegang-pemegang unit melalui cek ke alamat terkini di dalam daftar. Cek tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Harap ambil perhatian bahawa cek yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pengurus.**

• MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memaklumkan kepada Pengurus secara bertulis dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh tutup tahun kewangan Dana. **Walau bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik.** Pengagihan akan dilaburkan semula pada nilai NAB seunit yang dikira pada penutup hari urusniaga pertama selepas tarikh agihan. Tiada caj dikenakan ke atas pelaburan semula pengagihan. Walau bagaimanapun, pelaburan semula pengagihan melalui waran agihan akan dianggap sebagai jualan biasa.

• PERTUKARAN KE LAIN-LAIN DANA

Semua pemegang-pemegang unit Dana sedia ada diberi kemudahan untuk menukar Dana yang disertai ke lain-lain Dana [kecuali PMB Syariah TNB Employees Fund]. Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- caj pertukaran dana yang dikenakan bagi Dana yang mempunyai caj jualan yang sama adalah tidak melebihi RM25.00 bagi setiap transaksi.
- walau bagaimanapun, tiada caj pertukaran dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi ke Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang lebih rendah.
- caj pertukaran pada kadar caj jualan semasa pula akan dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana dari Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang rendah ke lain-lain Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi.
- unit akan ditebus dan dibelikan unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada RM1,000.

• KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

PMB INVESTMENT BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi BANK SIMPANAN NASIONAL, CIMB BANK BERHAD, MALAYAN BANKING BERHAD/MAYBANK ISLAMIC BERHAD dan RHB BANK BERHAD/RHB ISLAMIC BANK BERHAD. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

- **MENUKAR MILIK**

Unit-unit Dana anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat Pengurus. Pembeli atau penerima unit akan dikenakan caj tukar milik sebanyak RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

- **CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
(GOODS AND SERVICES TAX - GST)**

Berkuatkuasa 1 April 2015, semua caj yang dikenakan adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%.

- **PROSES PENYUCIAN**

Zakat

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada mana-mana pelabur yang beragama Islam dan entiti Islam ke atas perolehan/pendapatan dari pelaburan. Walau bagaimanapun, Dana tidak memperuntukkan bayaran untuk zakat yang dikenakan ke atas perolehan modal pengagihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, bayaran zakat ke atas perolehan modal dan pengagihan pendapatan adalah menjadi tanggungjawab pelabur-pelabur untuk berbuat demikian.

Penentuan jumlah zakat adalah dengan mengambil kira jumlah pelaburan perolehan modal dan pengagihan pendapatan dalam tahun kewangan didarabkan dua peruluhan lima peratus (2.5%).

11. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

PEJABAT JUALAN:

Ibu Pejabat

Level 21, 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: (03) 27859900 Faks: (03) 27859901
E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my

Wilayah Tengah

Tingkat 1, Wisma PMB
No. 1A, Jalan Lumut
50400 Kuala Lumpur
Tel: (03) 40454000 Faks: (03) 40443800
H/P: (013) 2710392 (Suhaila Malzuki)
E-mel: pmbi.central@pelaburanmara.com.my
suhaila@pelaburanmara.com.my

Wilayah Utara

No. 46 1/F Jalan Todak 2
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Perai, Pulau Pinang
Tel: (04) 3909036 Faks: (04) 3909041
H/P: (012) 4703914 (Ahmad Shahril Md Yusof)
E-mel: pmbi.north@pelaburanmara.com.my
shahril@pelaburanmara.com.my

Wilayah Timur

Lot D103, Tingkat 1, Mahkota Square
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545
H/P: (017) 7710117 (Ameer Khalifa Mohd Azman)
E-mel: pmbi.east@pelaburanmara.com.my
ameer.khalifa@pelaburanmara.com.my

Wilayah Selatan

No. 17-01, Jalan Molek 1/29
Taman Molek, 81100 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120
H/P: (017) 2809653 (Mohd Shohada Ahmad Mokhtar)
E-mel: pmbi.south@pelaburanmara.com.my
shohada@pelaburanmara.com.my

PEJABAT JUALAN:

Sarawak

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah
93350 Kuching, Sarawak
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)
E-mel: pmbi.sarawak@pelaburanmara.com.my
john@pelaburanmara.com.my

Sabah

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419
H/P: (013) 8808273 (Hadjira@Azeera Mangguna)
E-mel: pmbi.sabah@pelaburanmara.com.my
azeera@pelaburanmara.com.my

PEJABAT AGENSI:

Kuala Lumpur

Najdiah Abu Bakar
Herocz Ventures Resources
19-1 Jalan Danau Lumayan, Bandar Permaisuri
56000 Kuala Lumpur
H/P: (019) 2773776
E-mel: najdiah.abubakar@gmail.com

Melaka

Datuk Md. Ramly bin Mohamad
No. 253-A, Jalan TMR 3, Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: (06) 2815051 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859
E-mel: dtkmdr@yahoo.com.my

EJEN INSTITUSI:

Apex Investment Services Bhd
iFast Capital Sdn Bhd

PERKHIDMATAN AUTODEBIT:

Bank Simpanan Nasional
CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad/Maybank Islamic Berhad
RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad

12. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Sebarang pertanyaan mengenai Dana, sila hubungi bahagian Perhubungan Pelabur melalui:

- e-mel : investorrelation@pelaburanmara.com.my
- telefon : (03) 2785 9900

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

LAPORAN INI BUKANLAH TAWARAN UNTUK MENJUAL UNIT. BAKAL PELABUR DIKEHENDAKI MEMBACA PROSPEKTUS INDUK DAN/ATAU PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN DANA INI DENGAN TELITI SEKIRANYA INGIN MELABUR. SEKIRANYA ANDA MERASA RAGU, SILA BERUNDING DENGAN PENASIHAT PELABURAN ANDA TENTANG SKIM INI. PENCAPAIAN DANA INI PADA MASA LALU BUKANNYA PETUNJUK ATAU GAMBARAN PENCAPAIANNYA PADA MASA HADAPAN. HARGA UNIT DAN PULANGAN KE ATAS PELABURAN AKAN BERUBAH-UBAH MENGIKUT NILAI PASARAN.

13. BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR